

Bil. S 37

**PERINTAH KASTAM, 2006  
(S 39/06)**

**PERINTAH DUTI IMPORT KASTAM (PINDAAN), 2012**

**SUSUNAN PERENGGAN-PERENGGAN**

**Perenggan**

1. Gelaran dan permulaan kuatkuasa.
  2. Pindaan Jadual Kedua kepada S 45/07.
-

**PERINTAH KASTAM, 2006  
(S 39/06)**

**PERINTAH DUTI IMPORT KASTAM (PINDAAN), 2012**

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh bab 9(1) dari Perintah Kastam, 2006, maka Menteri Kewangan, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, dengan ini membuat Perintah yang berikut —

**Gelaran dan permulaan kuatkuasa.**

1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Duti Import Kastam (Pindaan), 2012 dan hendaklah mula berjalan kuatkuasanya pada 1 haribulan April, 2012.

**Pindaan Jadual Kedua kepada S 45/07.**

2. Jadual Kedua kepada Perintah Duti Import Kastam, 2007 adalah dipinda, dalam Bahagian B di bawah tajuk Pengecualian Am, dengan menambah butiran yang berikut —

"12 Mana-mana orang yang mengimport barang-barang dengan menggunakan perkhidmatan udara kiriman cepat dan Perkhidmatan Mel Segera	Semua barang kecuali rokok, tembakau dan likor memabukkan	(a) bahawa barang-barang diimport melalui tempat-tempat yang berikut — (i) Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei, Kargo Udara Berakas.  (b) bahawa jumlah nilai barang-barang yang diimport (kos, insurans dan tambang) tidak melebihi \$400 bagi setiap konsainan.”
-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------	-----------------------------------------------------------	------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------

Diperbuat pada hari ini 26 haribulan Rabiulakhir, Tahun Hijrah 1433 bersamaan dengan 19 haribulan Mac, 2012.

**AWANG HAJI NAZMI BIN HAJI MOHAMAD**  
Setiausaha Tetap,  
Kementerian Kewangan,  
Negara Brunei Darussalam.